



MAJLIS PERBANDARAN MUAR

IKLAN PENGISIAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT DARI JAWATAN AKAUNTAN GRED WA41 KE JAWATAN AKAUNTAN GRED WA44

Permohonan adalah dipelawa kepada Akauntan Gred WA41 yang berkeelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Majlis Perbandaran Muar.

1. (a) JAWATAN : AKAUNTAN
(b) KEMENTERIAN / JABATAN : MAJLIS PERBANDARAN MUAR
(c) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
(d) KLASIFIKASI : KEWANGAN
(e) GRED : WA44
(f) KEKOSONGAN : 1 (SATU)
2. **Jadual Gaji** **Jadual Gaji Minimum – Maksimum** : **RM 3,600.00 – RM 10,456.00**
3. **SYARAT KENAIKAN PANGKAT KE GRED J44**

Akauntan Gred WA41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA44 setelah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) Mencapai prestasi yang ditetapkan iaitu bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 atas gred jawatan hakiki/lantikan;
 - (c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
 - (d) Bebas daripada sebarang tindakan dan hukuman tatatertib;
 - (e) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa;
 - (f) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
 - (g) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
 - (h) Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga.
4. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:**

Pegawai-pegawai yang memasuki Perkhidmatan Akauntan Gred WA44 adalah tertakluk kepada syarat-syarat Skim Perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

5. PERMOHONAN

Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan format borang yang ditetapkan atau boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Muar. Borang permohonan yang telah **lengkap diisi** hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MUAR
KARUNG BERKUNCI NO. 516, 84009 MUAR
JOHOR**

6. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 OKTOBER 2018**

7. PERMOHONAN

- (a) Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bil.17 Bab A di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini;
- (b) Borang pemohon yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah;
- (c) Pemohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
- (d) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga; dan
- (e) Permohonan-permohonan yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya;
- (f) Pihak Pentadbiran Majlis Perbandaran Muar tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.